



## [ANALYSIS OF RICE SUPPLY IN MALAYSIA POST COVID-19 ACCORDING TO AGRICULTURAL FIQH PERSPECTIVE]

### ANALISIS BEKALAN BERAS DI MALAYSIA PASCA COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF FIQH PERTANIAN

MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA,<sup>1</sup> NURUL AINA AFIQAH ABD KARIM,<sup>1</sup> JUAIRIAH HASAN<sup>1</sup>

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA  
e-mail: borhanuddin@unisza.edu.my

\*Corresponding Author: borhanuddin@unisza.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

#### Abstract

The National Agro Food Policy (DAN) 2011-2020-2021-2030 enacted is a transformation of the Government to increase productivity and food quality in the country. However, there are some weaknesses in realizing it to achieve the country's food self-sufficiency level of at least 74.1 % by only contributing 2.3 % to gross domestic product (GDP). This study aims to analyze the rice supply needs of the country according to the Islamic perspective. The methodology of this study uses content analysis study design, the data collected is analyzed through a descriptive approach with a combination of qualitative approaches that is analyzing the text including analyzing documents such as official reports, circulars, annual reports, departmental reports, financial plans, reports agencies, and transcripts. The results of the study found that the fiqh of agriculture in Islam is to increase the quantity and quality of national rice supply holistically and adequately, increase national income, emphasize halal taiyyiba and clean food products. The implications of the study suggest that rice products should be increased in quantity and given priority in Malaysia over other commodities. The Ministry of Agriculture and Food Industry should pay serious attention and is expected to play its role in the agricultural sector in accordance with Islamic law.

**Keywords:** National rice supply post covid 19, Fiqh of agriculture

#### Abstrak

Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011-2020- 2021-2030 yang digubal merupakan satu transformasi Kerajaan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti makanan negara. Namun begitu terdapat beberapa kelemahan dalam merealisasikannya untuk mencapai tahap sara mampu diri makanan negara sekurang-kurangnya 74.1% dengan hanya menyumbang 2.3 % sahaja kepada keluaran kasar dalam Negara (KDNK). Kajian ini bertujuan menganalisis keperluan bekalan beras Negara mengikut perspektif Islam. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan, data- data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokument-

dokumen seperti laporan-laporan rasmi, surat pekeliling, laporan tahunan, laporan jabatan, rancangan kewangan, laporan agensi, dan transkrip. Hasil kajian mendapati bahawa fiqh pertanian dalam Islam ialah meningkatkan kuantiti dan kualiti bekalan beras negara secara holistik dan mencukupi, meningkatkan pendapatan negara, menekankan produk pemakanan yang halalan taiyyiba dan bersih. Implikasi kajian mencadangkan produk beras perlu ditambah kuantiti dan diutamakan di Malaysia berbanding komoditi lain. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan harus memberi perhatian yang serius seterusnya diharapkan agar memainkan peranannya dalam sektor pertanian selaras dengan syarak.

**Keywords:** bekalan beras Negara pasca covid 19, Fiqh pertanian.

**Cite as:** Mohd Borhanuddin Zakaria, Nurul Aina Afiqah Abd Karim, Juairiah Hasan. 2021. [Analysis of rice supply in malaysian post covid-19 according to agricultural fiqh perspective] Analisis bekalan beras di malaysian pasca covid-19 menurut perspektif fiqh pertanian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 38-47.

## PENGENALAN

Dasar Agro makanan Negara (DAN) merupakan Program Transformasi Kerajaan, Model Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Program Transformasi Ekonomi menjadi landasan utama pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2030 iaitu menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Matlamat ini memerlukan sumbangan yang lebih signifikan daripada semua sektor termasuk Industri Agro makanan untuk memastikan negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan (Dasar Komoditi Negara 2011-2020). Justeru, usaha untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli akan diteruskan melalui program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran terutamanya beras.

Kementerian Pertanian menyasarkan kadar pengeluaran beras tempatan kepada 75% tahun 2020, berbanding 70% pada tahun 2019 bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras import dari luar negara iaitu sebanyak 30 % hingga 40% (Berita Harian, 2019). Jumlah pengeluaran beras pada tahun 2018 sebanyak 1,699,766 tan metrik, pada tahun 2019 sebanyak 1,516,341 tan metrik dan pada tahun 2020 sebanyak 1,512,709 tan metrik (Jabatan Perangkaan Malaysia).

## PENINGKATAN PRODUK BERAS 2011-2021

Penggunaan beras dijangka meningkat daripada 2.30 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.69 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6% setahun disebabkan oleh pertambahan penduduk. Pengeluaran padi pula menurun daripada 2.35 juta tan metrik pada tahun 2019 kepada 2.34 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak 1.2% setahun (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia, 2011).

Pengeluaran ini akan dicapai melalui peningkatan produktiviti daripada 4.0 tan metrik sehektar pada tahun 2010 kepada 5.0 tan metrik sehektar pada tahun 2020. Intensif penanaman akan ditingkatkan daripada 142% pada tahun 2010 kepada 157% menjelang tahun 2020 atau purata kekerapan penanaman daripada 1.42 kali setahun pada tahun 2010 kepada 1.57 kali

setahun menjelang tahun 2020 (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia, 2011). Sebarang kekurangan pengeluaran tempatan akan ditampung dengan import termasuk mengadakan perjanjian kontrak jangka panjang dengan negara pengeksport melalui perjanjian eksport minyak sawit atau minyak dan pelaburan timbal balik (Dasar Komoditi Negara 2011-2020).

Ia berikutnya penduduk di Malaysia anggaran mencecah sebanyak 32.52 juta orang pada tahun 2019 dan 32.58 juta orang pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia). Manakala, Kadar Sara Diri (ssl) terutama bagi makanan asasi bagi tahun 2019 sebanyak 79% dan tahun 2020 sebanyak 70% (Berita Harian, 2020). Penggunaan perkapita bagi kategori beras pada tahun 2019 ialah sebanyak 81.6%. Sebanyak 30% beras diimport dengan kos kira-kira RM1.18 bilion pada tahun 2018 bagi 740,000 tan beras di import dari negara luar manakala pada tahun 2019, jumlah import beras 890,101 tan metrik bernilai RM1.5 bilion (Harian Metro, 2021) dan pada tahun 2020 sebanyak 30% hingga 40% jumlah import beras dengan kos sejumlah RM2.5 bilion beras (Berita Harian, 2021).

Mengikut statistik purata hasil beras mengikut negeri-negeri pada tahun 2018 – 2020. Negeri Kedah mengeluarkan 955,662 juta tan metrik pada tahun 2018. Pada tahun 2019 negeri Kedah mengeluarkan 859,018 juta tan metrik dan meningkat kepada 914,470 juta tan metrik pada tahun 2020. Negeri Kelantan pula negeri kedua pengeluar hasil beras dengan 207,853 juta tan metrik pada tahun 2018. Pada tahun 2019, negeri Kelantan mengeluarkan sebanyak 305,675 dan terus meningkat pada tahun 2020 sebanyak 342,914 juta tan metrik. Ini bermakna pengeluaran purata hasil beras mengikut negeri termasuk di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak sebanyak 3770 pada tahun 2018 manakala pada tahun 2019 -2020 sebanyak 7136 pengeluaran purata hasil beras. (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia, 2011). Lihat jadual 1 purata hasil beras mengikut negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2018 sehingga tahun 2021.

Jadual 1. Beras mengikut negeri, pada tahun 2018 hingga 2020

Negeri	2018	2019	2020
	Purata hasil (kg/ha)	Purata hasil (kg/ha)	Purata hasil (kg/ha)
Johor	3288	3015	2945
Kedah	4453	4009	4265
Kelantan	4313	3774	4147
Melaka	2983	2775	2545
N. Sembilan	3958	3962	4496
Pahang	2823	2512	3360
Perak	3575	3165	3050
Perlis	4662	4065	3697
Pulau Pinang	5228	5012	5022
Selangor	4731	4756	4431
Terengganu	4226	3892	3879
<b>Sem. Malaysia</b>	<b>4311</b>	<b>3899</b>	<b>4008</b>
Sabah	2884	2585	2914

Sarawak	1959	1972	1844
<b>Malaysia</b>	<b>3770</b>	<b>3501</b>	<b>3635</b>

Nota: Statistik Tanaman Sub Sektor Makanan Malaysia 2019, Unit Geospatial Pertanian dan Statistik Bahagian Perancang Strategik Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (rujukan)

## ANALISIS BEKALAN BERAS DAN MAKANAN NEGARA

Pada tahun 2018, sektor pertanian menyumbang 7.3 peratus (RM99.5 bilion) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Mengikut Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin pada tahun 2019 sebelum wabak covid 19, kadar KDNK negara menyaksikan pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus dengan nilai sebanyak RM1.42 trillion dan sektor pertanian telah berjaya mencatatkan pertumbuhan 2% peratus dengan nilai sebanyak RM101.6 bilion, iaitu sebanyak 7.1 peratus. Namun begitu, setelah pasca covid 19 berlaku iaitu pada tahun 2020, KDNK merosot sebanyak 5.6 peratus kepada RM1.34 trillion, iaitu pengurangan sebanyak RM80.4 bilion daripada nilai pada 2019, sementara itu Sektor Pertanian merosot sebanyak 2.2 peratus. Walaubagaimanapun, sumbangan daripada Sektor Pertanian kepada KDNK meningkat daripada 7.1 peratus pada 2019 kepada 7.4 peratus pada tahun 2020. Ini menunjukkan, bahawa daya tahananya kekal dalam tempoh pasca covid 19 berbanding sektor lain (Malaysia Berita Harian Online,2021). Jesteru, menurut statistik *Trade Statistics Review*, volume 1 2021 bahawa Sektor Pertanian muncul sebagai sektor kedua terpenting perdagangan Malaysia bagi tahun 2020 dengan menyumbang sebanyak 6.8 peratus dan juga mengatasi sektor perdagangan hasil lombong sebagaimana dilaporkan dalam *Malaysia Trade Statistics Review (MTSR)*.

Pada tahun 2018, Dasar Agro Makanan Negara (DAN) telah mengumpulkan sebanyak RM 54,342 bilion dan telah menyumbang kepada KDNK sebanyak 3.8% (Perangkaan Agro Makanan Agrofood Statistics, 2018). Manakala pada tahun 2019 (DAN) telah menyumbang sebanyak RM 50,142 bilion iaitu sebanyak 3.53% kepada KDNK, Manakala pada tahun 2020 berjaya mengumpulkan sebanyak RM 29,809 bilion dan seterusnya berjaya menyumbang sebanyak 5.6% kepada KDNK (Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020).

Jesteru, Pada tahun 2020, industri Agro Makanan dijangka berkembang sebanyak 4.7% setahun sepanjang tempoh 2011 sehingga 2020. Sumbangan industri agro makanan kepada nilai ditambah sektor pertanian dijangka akan meningkat daripada Rm18.9 bilion atau 46.4% pada tahun 2010 kepada RM29.8 bilion atau 51.1%. pada tahun 2020 (Dasar AgroMakanan Negara 2011-2020). Seterusnya (DAN) terus menyumbang dalam sektor Agro Makanan kepada Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) meningkat dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.8% pada tahun 2020 (Berita Harian Online,2021). Seterusnya menujukkan peningkatan ekonomi secara holistik RM 12 985 bilion dan 62.3%. (Dasar AgroMakanan Negara 2011-2020).

Tahun 2021 juga menyaksikan kadar nilai tambah bagi Industri Makanan dan Minuman termasuk industri tembakau iaitu sebanyak 9.3% setakat bulan September 2021 (Sumber Rujukan Facebook *Department of Statistics, Malaysia*). Manakala dalam sektor pembuatan bertambah 15.1 peratus kepada RM1.27 trillion sepanjang tempoh bulan Januari hingga Oktober 2021 berbanding tahun 2020. Peningkatan ini juga disebabkan oleh subsektor produk makanan dan minuman juga serta tembakau iaitu menyumbang sebanyak 11.8%. Manakala bagi tahun

2020 lelemak, minyak sayur-sayuran dan binatang pula kadar nilai tambah sebanyak RM 7 857 bilion iaitu sebanyak 37.7%. Pada tahun 2020 ini juga menyaksikan jumlah eksport industri Agro Makanan dan industri atas tani makanan kepada negara ialah sebanyak RM 76 540 bilion dengan kadar 4.7%. (Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020). Justeru sumbangan industri agro makanan kepada eksport negara telah berjaya mengumpulkan sebanyak 6.4% daripada RM18.1 bilion kepada RM33.7 bilion bagi tahun 2020 (Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia Dato'Sri Ismail Sabri Yaakob *Prime Minister's Office of Malaysia Official Website*).

Menurut statistik eksport sektor pertanian pada tahun 2018 berjumlah RM114,451 juta berbanding RM126,492 juta pada tahun 2017 dan menyusut 9.5 peratus. Pada tahun 2019, eksport sektor pertanian berjumlah RM 115.5 bilion berbanding RM 114.5 bilion pada 2018, meningkat 0.9 peratus. Jumlah eksport pertanian negara meningkat daripada RM115.5 bilion pada 2019 kepada RM118.86 bilion pada tahun 2020 (Indikator Pertanian Terpilih, Malaysia 2019,2020,2021 Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia).

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, memaklumkan bahawa sumbangan eksport bahan makanan menurun sebanyak 0.9% kepada RM33.7 bilion tahun 2020 berbanding RM34.0 bilion pada tahun 2019 (Berita Harian Online,2021).

Jadual 2 Sumbangan sektor pertanian kepada keluaran dalam negeri kasar, KDNK 2018 – 2020

Butiran	2018		2019		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	RM	%	RM	%	RM	%	
	juta		Juta		juta	-	
							2020
Pertanian	99,637	7.3	101,580	7.1	99,367	7.4	2.9
Tanaman Industri	55,077	4.1	56,700	4	55,310	4.1	1.5
Agromakanan	44,560	3.2	44,880	3.1	44,057	3.3	4.7
Perlombongan	103,557	7.6	102,897	7.2	91,993	6.8	0.7
Pembuatan	304,843	22.4	316,283	22.2	307,924	22.9	3.5
Pembinaan	66,194	4.9	66,453	4.7	53,556	4.0	2.7
Perkhidmatan	17,649	56.7	820,857	57.6	775,717	57.7	2.9
Tolak: FISIM yang tidak diagihkan	17,308	4.9	17,742	3.9	23,099	4.1	2.9
Campur: Duti Import	16,546	1.2	16,240	1.1	15,324	1.1	1.9
Jumlah Nilai Ditambah(Rm Juta)	625,734	100	1,442,052	100	1,366,6980	100	4.6

(Anggaran Sumber Bank Negara Malaysia (t.th).

## PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN

Keluasan tanah pertanian bagi aktiviti pengeluaran makanan telah menurun sebanyak 0.8% setahun dalam tempoh 2018 – 2020 ( Jabatan Perangkaan Malaysia ). Penurunan ini adalah berikutan penukaran kawasan tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit serta pembangunan kawasan kediaman. Justeru kadar pertumbuhan tahunan purata tanaman padi tahun 2018 - 2020 sebanyak 1.4 %. Manakala, kadar pertumbuhan penggunaan penanaman padi 2021 hanya 0.2 % sahaja( Indikator Pertanian Terpilih 2021 ) . Lihat jadual 3 penggunaan tanah industri agro makanan,2018 - 2020: (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia, 2011).

Jadual 3: Penggunaan tanah industri agro makanan, 2018 – 2020

Butiran	2018	2019	2020	Kadar Pertumbuhan
				Tahunan Purata (%)
Tanaman	1,025.70	990.30	970.30	(0.8)
Padi	700.0	672.0	644.8	1.4
Buah-buahan	184.4	171.2	180.5	0.1
Sayur-sayuran	45.6	49.8	49.4	2.6
Florikultur	2.7	2.7	2.6	4.1
Herba & Rempah	9.6	8.1	8.1	7.8
Ratus				
Kelapa	83.4	86.5	84.9	2.9
Perikanan	35.6	30.2	30.0	5.0
Akuakultur	25.6	25.9	33.8	5.3
Rumpai Laut	6.0	3.5	12.8	3.4
Ikan hiasan	4.0	0.8	3.0	8.4
JUMLAH	1061.3	1020.5	1000.0	(0.5)

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. (t.th)

Pada tahun 2019, Malaysia mencatatkan keluasan bertanam sebanyak 672,084 hektar tanah. Daripada jumlah tersebut, semenanjung Malaysia mencatatkan keluasan bertanam sebanyak 519,277 hektar. Sumbangan ini meningkat kepada 644,854 hektar di Malaysia pada tahun 2020. Keluasan bertanam yang paling tinggi pada tahun 2019 adalah negeri Kedah iaitu sebanyak 214,252 hektar. Pada tahun 2020, keluasan bertanam berkurangan berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak 644,854 hektar. Hal ini kerana keluasan bertanam di beberapa buah negeri berkurangan berbanding pada tahun sebelumnya. (Statistik tanaman: sub-sektor tanaman makanan, 2019-2020) ). Hasil produktiviti pertanian bagi keperluan makanan menunjukkan peningkatan berkembang sebanyak 3.7% setahun di mana industri agromakanan dijangka berkembang sebanyak 4.7% setahun. Sumbangan industri agromakanan kepada nilai ditambah sektor pertanian dijangka meningkat daripada RM18.9 bilion atau 46.4% pada tahun 2010 kepada RM29.8 bilion atau 51.1% pada tahun 2020. Kawasan penanaman padi dan peningkatan

intensif penanaman dan pengusahaan pertanian secara berskala besar serta penggunaan teknologi terkini menyumbang kepada peningkatan produktiviti makanan termasuk padi dan beras.

Komoditi pertanian terpilih dibahagikan kepada tiga kategori iaitu tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan dan perikanan. Pada 2018, sebanyak 36 komoditi pertanian telah dilindungi dan 22 daripadanya merekodkan nisbah sara diri (SSR) melebihi 100 peratus. Pengeluaran komoditi makanan utama diunjurkan terus berkembang sebanyak 4.0% setahun iaitu daripada 7.6 juta tan metrik pada 2010 kepada 11.2 juta tan metrik pada 2020 namun pengeluaran komoditi makanan utama telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan iaitu pada kadar 3.7% setahun walaupun berhadapan dengan beberapa krisis pada peringkat global termasuk krisis minyak dan kewangan yang telah meningkatkan kos pengeluaran makanan. Antara komoditi yang menunjukkan pertumbuhan yang tinggi ialah daging kambing, daging lembu, susu dan akuakultur. Peningkatan pengeluaran industri agro makanan ini selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara. Persekutaran yang kondusif turut menggalakkan pihak swasta bersama-sama petani, penternak dan nelayan untuk menyumbang kepada pertumbuhan baik industri ini (Perangkaan Agro makanan 2014; Dasar Agro makanan Negara 2011-2020)

Bagi produktiviti industri beras, secara puratanya keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara pula sekitar 70 peratus daripada keperluan itu. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, negara mengimport 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun atau sekitar 30 peratus. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Bekalan Makanan Negara pada 8 September 2020 antara lain bersetuju untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengkaji semula kemampanan industri padi dan beras negara termasuk mengoptimumkan produktiviti di kawasan sawah sedia ada. Program Smart SBB merupakan satu daripada inisiatif menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan. Ianya sekali gus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman serta pengeluaran hasil lepas tuai. Pelaksanaan inisiatif akan membuka peluang kepada pemain industri untuk memainkan peranan dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantaian nilai industri padi dan beras negara pasca covid-19.

Program ini turut menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa 3.5 tan metrik pada 2019 kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Namun, kawasan jelapang dan keseluruhan kawasan luar jelapang hanya mencatatkan purata hasil per hektar masing-masing 4.4 tan metrik dan 2.5 tan metrik pada 2019. Pendekatan baharu ini akan membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras ditetapkan dalam tempoh RMK-12 iaitu 75 peratus dan telah direkodkan bahawa pada tahun 2019, jumlah import beras 890,101 tan metrik bernilai RM1.5 bilion ini bermakna kuantiti beras diimport pada 2019 berkurangan berbanding 2015 iaitu penurunan 7.4 peratus.

Pengeluaran padi mengikut negeri pada tahun 2018 sehingga 2020 telah mencatatkan pertumbuhan yang merosot dan agak perlahan kerana berhadapan dengan pelbagai krisis pada peringkat global terutamanya pandemik covid-19. Antara negeri yang mengeluarkan hasil pengeluaran padi yang paling tinggi pada tahun 2018 sehingga 2020 ialah negeri Kedah iaitu

sebanyak 955,662 (2018), 859,018 (2019) dan 914,470 (2020) tan metrik dan disusuli negeri Kelantan dan juga Sarawak. Pada tahun 2018, pengeluaran padi meningkat kepada 2,639,202 tan metrik. Pada tahun 2019, pengeluaran padi menurun kepada 2,352,870 tan metrik berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2020 pula, pengeluaran padi semakin menurun lagi kepada 2,343,760 tan metrik kerana terdapat penambahan penurunan kadar keluasan bertanam berbanding tahun sebelumnya (Jabatan Pertanian, 2020). Hal ini membuktikan bahawa setiap negeri mengalami kemerosotan dalam mengeluarkan dan meningkatkan hasil pengeluaran padi yang baik sepanjang tempoh pandemik covid-19 berlangsung di negara kita dua tahun kebelakangan ini.

Mengikut statistik purata hasil pengeluaran beras mengikut negeri-negeri pada tahun 2019 sehingga 2020, Kedah mengeluarkan 558,362 tan metrik pada tahun 2019 dan terus meningkat pada tahun 2020 kepada 594,406 tan metrik. Kelantan merupakan negeri yang kedua yang menghasilkan pengeluaran beras tertinggi iaitu sebanyak 174,740 tan metrik pada tahun 2019 dan terus meningkat pada tahun 2020 kepada 198,689 tan metrik. Ia bermakna pengeluaran purata beras mengikut negeri termasuk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebanyak 1,512,709 tan metrik pada tahun 2020 (Jabatan Pertanian Bahagian Industri Padi 2020).

## FIQH PERTANIAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Para ulama berbeza pandangan pertanian, perkilangan ataupun perniagaan yang patut diutamakan (Al-Qardhawi, 2015: 28). Perbezaan pendapat ini berpunca daripada beberapa hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang menerangkan keutamaan setiap satu daripada tiga perkara tersebut. Dalam menjelaskan keistimewaan pertanian Rasulullah S.A.W. bersabda:

حَدَّثَنَا قُتْبَيْهُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ حٍ وَ حَدَّثَنِي عَنْ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَئْسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَعْرُسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرُعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ وَقَالَ لَنَا مُسْلِمٌ حَدَّثَنَا أَبُو حَمَّادَ حَدَّثَنَا أَئْسُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Sesiapa daripada kalangan orang Islam menanam sebatang pokok atau menabur benih, kemudian (pokok tumbuhan tersebut) dimakan oleh burung, manusia ataupun haiwan, semuanya itu (akan menjadi) sedekah bagi dirinya” (Sahih Bukhari al-Jami’ al-Shahih al-Mukhtasar, Muhammad Ismail, Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja’fi. Kitab al-Muzaraah, Bab Fadhl al-Zar’ wa al-Ngars Iza Ukila Minhu, Beirut Lubnan, Dar Ibn Khathir 1987-1407, jil. 3, hlm. 103).

Dalam menjelaskan keutamaan perkilangan dan perindustrian, Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا عِيسَى بْنُ يُوْسَى عَنْ نُورِ عَنْ حَالِدِ بْنِ مَعْدَانَ عَنْ الْمَقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَاماً قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ وَإِنَّ تَبَيَّنَ اللَّهُ دَاءِدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ

Maksudnya: “Tiada sesuatu makanan pun yang dimakan oleh seseorang, yang lebih baik dari hasil perbuatan tangannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Allah Daud A.S. memakan makanan dari hasil perbuatan tangannya sendiri”. (Sahih Bukhari al-Jami’ al-Shahih al-Mukhtasar, Muhammad Ismail, Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja’fi, Kitab al-Buyu’, Bab Kasb al-Rajulu Wa Amala Biyadihi, Beirut Lubnan, Dar Ibn Khathir 1987-1407, jil. 3, hlm. 57).

Dalam menjelaskan keutamaan pembiagaan, Baginda Rasulullah S.A.W bersabda :

حَدَّثَنَا هَنَّادٌ حَدَّثَنَا قَيْبِصَةُ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ أَبِي حَمْزَةَ عَنْ الْحَسَنِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya: “Peniaga yang jujur dan amanah akan dibangkitkan bersama-sama para nabi, para siddiqin dan para syuhada”. (Sunan al-Tirmizi, Muhammad Ibn Isa Abu Isa al-Tirmizi, Beirut Dar al-Ahya’ al-Turath Islami, Kitab al-Buyu’).

Al-Qardhawi berpandangan apabila keperluan beras dan padi berkurangan, sehingga menghadapi kesukaran kepada negara, kesusahan dan kesulitan hidup, maka gagasan Dasar Agro Makanan Negara (DAN) adalah menjadi satu keperluan dharuri dan penting, demi menjamin bekalan negara yang kekurangan bekalan di antara 30%-40% tahun lalu. (al-Qardhawi, 1998 : 40 Shalabi, 1992 : 329 ; al-Sahi, 1984 : 16 Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, 1992 : 103-107).

Al-Zuhaily bagaimanapun mengatakan bidang pertanian sewajarnya mempunyai penguasaan dan kepakaran terutamanya dalam bidang teknologi moden dengan cemerlang kerana sangat sukar untuk bersaing dengan kuasa-kuasa dunia lain yang sudah lebih dahulu memiliki kepakaran terutamanya bidang pertanian. (Al-Zuhaily, 1996: 617).

## KESIMPULAN

SSL semua komoditi agro makanan diunjurkan meningkat kecuali beras. SSL beras tempatan dikekalkan pada kadar 70% dan pembukaan kawasan baru tanaman padi tidak akan digalakkan. Kadar SSL beras 70% ini akan dikaji dari masa ke semasa dengan mengambil kira jaminan bekalan beras dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan. Pengeluaran padi di kawasan jelapang sedia ada akan diusahakan secara lebih intensif dengan penyediaan infrastruktur pengairan dan saliran yang mencukupi terutama di jelapang yang berpotensi untuk dimajukan dan penggunaan tanah secara optimum. Persaingan penggunaan tanah bagi tujuan pembangunan dijangka akan memberi tekanan kepada keluasan kawasan pengeluaran makanan. Keluasan kawasan pengeluaran makanan dijangka menguncup daripada 784,069 hektar pada tahun 2019 kepada 841,000 hektar pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pengeluaran makanan terutamanya beras akan ditingkatkan daripada 11.2 juta tan metrik kepada 12.8 juta tan metrik bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat kepada 14.8 juta tan metrik pada tahun 2020.

## RUJUKAN

- Berita Harian. 2021. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/12/895812/sumbangans-pertanian-kepada-dagangan-negara-merosot>
- Departments of statistics Malaysia official portal. 2021. Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities, Malaysia 2014-2018
- Harian Metro. 2021. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/05/701393/bil-import-kita-rm554-bilion>
- Jabatan Pertanian. 2017. Booklet Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan). Unit Perangkaan Bahagian Perancangan. Teknologi Maklumat dan Komunikasi Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Pertanian. 2018. Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan 2019). Unit Geospatial dan Statistik Bahagian Perancangan Strategik Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
- al-Jammal, Muhammad Abdul Mun'im. 1992. Ensiklopedia Ekonomi Islam. Terj. Solahuddin Abdullah. jil 1.cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. 2011. Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020. Unit Penerbitan Wisma Tani, Putrajaya.
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). 2019. <https://www.mada.gov.my/wp-content/uploads/2021/01/Purata-Hasil-Padi.pdf>
- Malaysia trade statistics review Vol. 1, Jabatan Perangkaan Malaysia 4 Jun 2020.
- Portal Rasmi Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan. 2021. <https://www.mafi.gov.my/>
- Portal rasmi lembaga pemasaran persekutuan. 2021. <https://www.fama.gov.my/dasar-agromakanan-negara-2011-2020-dan->
- Portal rasmi lembaga pemasaran persekutuan. 2021. <https://www.fama.gov.my/dasar-agromakanan-negara-2011-2020-dan->
- al-Qardhawi, Yusud. 1998. Pembangunan Pertanian: Ekonomi, Dasar, dan Bukti Empirik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Sahi, Shawqi' Abduh. 1984. al-Mal wa Turuq Istithmarihi fi al-Islam. cet. 2. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Sekuriti beras negara berisiko terjejas akibat perubahan iklim, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee, Bernama 22 Oktober 2021.
- al-Shalabi, Muhammad. 1985. al-Madkhali fi al-Ta'rif bi al-Fiqh al-Islami. Beirut Lubnan: Dar al-Nahdah al-Misriyyah.
- Statistic utama KPDNHEP. 2021. [https://www.kpdnhep.gov.my/images/dokumen/penerbitan/statistik-utama/2020/STATISTIK\\_UTAMA\\_KPDNHEP\\_JANUARI\\_2020\\_compressed.pdf](https://www.kpdnhep.gov.my/images/dokumen/penerbitan/statistik-utama/2020/STATISTIK_UTAMA_KPDNHEP_JANUARI_2020_compressed.pdf)
- Unit Geospatial Pertanian dan Statistik Bahagian Perancangan Strategik Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Statistik Tanaman Sub-Sektor Tanaman Makanan 2019.
- Zanariah Abd Mutalib. 2019. Pengeluaran beras tempatan ditingkatkan kepada 75 peratus. BH online. (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/522628/pengeluaran-berastempatan-ditingkatkan-kepada-75-peratus>)
- al-Zuhaily, Wahbah. 1996. Fiqh Perundangan Islam. Jilid V. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.